

16/12/1997

IMF diminta rangka semula strategi

KUALA LUMPUR, Isnin - Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) diminta mengkaji semula beberapa strategi dan syarat yang dikenakan bagi memastikan negara penerima bantuannya berjaya memulihkan ekonomi masing-masing dengan lebih berkesan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata pemimpin Asean yang hadir pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini sependapat, beberapa syarat yang dikenakan IMF sukar untuk dilaksanakan dengan berkesan.

"IMF hanya melihat dari sudut ekonomi makro dan tidak kepada kesan (daripada peraturan dan syarat dikenakan) ke atas negara penerima. Menaikkan cukai dan kadar faedah boleh mengakibatkan syarikat, malah syarikat berwibawa turut muflis. Situasi ini hanya akan lebih memburukkan keadaan.

"Dengan nilai mata wang yang semakin merosot, negara ini memerlukan lebih banyak mata wang tempatan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat dalam dolar Amerika Syarikat.

"Dalam situasi yang mana keadaan ekonomi tidak begitu baik sekarang, adalah mustahil untuk mendapat wang bagi membayar balik pinjaman berkenaan," katanya apabila ditanya sama ada syarat yang dikenakan oleh IMF terlalu keras.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mesyuarat selama tiga jam peringkat ketua negara Asean.

Turut hadir pada mesyuarat berkenaan ialah Sultan Hasanal Bolkiah dari Brunei; Perdana Menteri Laos, Khamtay Siphandone; Perdana Menteri Myanmar, Jen Than Swee.

Selain itu, Presiden Fidel Ramos dari Filipina; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong; Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai dan Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai. Indonesia pula diwakili Menteri Luarnya, Ali Alatas.

Sambil menyatakan kebimbangan pemimpin Asean berhubung keadaan kewangan itu, Dr Mahathir membacakan sebahagian daripada kenyataan itu sebanyak dua kali sebelum pemimpin berkenaan meneruskan Sidang Kemuncak Asia Timur pertama antara Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan.

Sejak krisis ekonomi melanda Julai lalu, dua negara Asean iaitu Thailand dan Indonesia menerima bantuan badan berkenaan, manakala Filipina memang sudah berada di bawah program IMF sejak beberapa tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, bantuan kewangan yang disalurkan IMF kepada beberapa negara Asia hanyalah untuk mengembalikan keyakinan pelabur, bukan bagi mengatasi kerugian besar mereka akibat krisis kewangan yang melanda rantau ini.

"Adalah jelas bantuan kewangan IMF tidak boleh menampung kerugian mereka," katanya.

(END)